

MediaTitle	Mingguan Wanita	Language	Malay
Date	06 Jul 2017	Readership	480,000
Circulation	160,000	Color	Full Color
Section	NEWS	ArticleSize	1028 cm <sup>2</sup>
Page No	118,119	PR Value	RM 30,039
AdValue	RM 10,013		



Ya Tuhan

• Oleh: Almaswa Hajji Che Ros

# BERBEZA DARJAT Isteri Desak Cerai

*Assalamualaikum Prof. Saya selalu mengikuti tulisan dan kisah-kisah kehidupan di majalah Mingguan Wanita ini. Bila rakan sekkerja membelynnya, saya tumpang membaca seketika di waktu rehat. Mungkin jarang untuk lelaki seperti saya menulis kisah kehidupan apatah lagi kisah rumah tangga sendiri tetapi saya mengharapkan, buat para ibu mentua yang di luar sana, jangan sesekali meruntuhkan rumah tangga anak menantu.*

Kisah ini saya lalui bertahun-tahun lamanya. Sudah saya tanggung sehingga ada ketika bebannya tidak mampu bahu saya memikulnya. Tetapi sebagai lelaki saya tidak pernah mengalih ketika di awal-awal perjuangan dahulu. Mungkin Allah mahu menguji saya dan amanah itu saya ambil. Tapi itulah kata orang, setahun, dua tahun saya masih boleh pikul tetapi kalau sudah 10 tahun, bebannya semakin berat.

Blar saya mulakan kisah rumah tangga saya. Saya bertemu Lina (bukan nama sebenarnya) kerana dahulu kami rakan sekkerja. Saya sudah lama bekerja darinya kerana saya hanya punya STPM sahaja dan Lina ada ijazah. Tetapi kerana sudah lama kerja, jawatan saya ketika itu pegawai rendah sahaja.

Sudah banyak kali rakan sepejabat bertanya bila saya mahu berkahwin tetapi jodoh belum sampai. Sehinggahalaya nampak Lina, hati terbuka untuk mengenalinya dengan rapat. Memandangkan dia orang baru, teguran saya disambut baik olehnya. Kami mulai berkawan dan lama-lama jadi baik. Ramai yang mahu saya terus melamarnya dan saya usulkan hal ini kepadanya. Katanya mahu ambil masa.

Perjalanan masa berlalu, dalam tak sedar, dia menjalin hubungan cinta dengan orang lain, adalah dalam dua tiga orang lelaki dan ternyata, saya jodohnya. Bertahun-tahun saya menunggu dan akhirnya kami disatukan. Masuk dalam lingkungan keluarganya, saya cuba sedaya mungkin. Tapi kerana mereka keluarga Syed, ada persepsi serong untuk saya yang juga kebetulan berasal dari kampung.

Ketika perkahwinan, keluarganya memilih majlis besar-besaran dan banyak duit simpanan saya dihabiskan untuk tujuan itu.

## Hasutan

Alhamdulillah, setahun berkahwin, kami dikurniakan seorang anak lelaki. Tetapi saya perasan yang Lina agak kerap balik ke rumah keluarganya tanpa membawa saya sekali. Sekali dua, saya ok lagi tetapi bila banyak kali, saya bertanya hal ini kepadanya. Katanya ada pertemuan keluarga.

Ketika itu, saya mulai pelik, saya bukan ahli keluarganyakah? Bila masuk usia anak dua tahun, karenah Lina mula terbongkar. Bila balik saja dari rumah keluarganya, macam-macam dia minta saya belikan barang untuknya. Ada saja, seolah-olah dia mendapat nasihat daripada ahli keluarganya di sana.

Bila saya balik ke rumah mereka, jarang sekali mereka mahu berbual. Bisik-bisik di dalam bilik tidur. Bila saya ke ruang tamu pula, semuanya buat-buat tengok TV. Saya ada tanyakan hal ini kepada Lina, adakah keluarga mereka tidak suka saya dan Lina jawab acuh tak acuh, seolah-olah dia sudah dihasut.

Kemuncak hubungan rumah tangga kami entah apa sebabnya Lina minta cerai. Alasannya tak serasi dengan saya dan menyesal dengan perkahwinan ini. Saya terkejut, memintanya bertengang. Katanya keluarga dia dari dulu tak suka saya tetapi dia kahwin dengan saya kerana kecewa ditinggal kekasihnya, juga daripada keturunan Pak Syed. Sebab itu dia kahwin dengan saya. Ya Allah.

Saya tak setuju ceraikan dia sebab saya masih saya. Kes kami masuk ke mahkamah tetapi di depan hakim, saya cakap tak ada sebarang alasan hendak ceraikan dia. Hal ini buat keluarganya marah dan mengamuk. Kes kami mengambil masa bertahun-tahun di mahkamah sehingga

menggunakan hakam tetapi saya tetap bertegas tak mahu ceraikan isteri.

Saya berpegang pada prinsip, kahwin hanya sekali. Lagipun di usia matang saya ini, kenapa saya perlu bercerai berafil. Keluarga patut jadi penyelamat dan bukan penghasut dan inilah yang saya alami. Selepas lima tahun, baru kesaya selesai kerana saya kasihan dengan satu-satunya anak lelaki kami yang sering keliru di mana ayah dan ibunya. Tetapi saya tak pernah menghalalkan segala yang terjadi kerana saya rasa saya orang teraniaya. Penat turun naik mahkamah jangan cerita, semuanya saya tanggung seorang diri.

Deritanya sangat dalam sehingga hati saya tidak terbuka hendak berkahwin lagi. Saya suka hendak ceritakan di sini, mentua sepatutnya menjadi orang tengah dan bukan penghasut. Baru-baru ini, setelah sekian lama saya menderita, Lina menghubungi keluarga. Katanya dia tak akan temui lelaki sebaik saya dan katanya kalau boleh mahu kami disatukan semula sebagai suami isteri malah dia akui menerima hasutan keluarganya yang tidak sukakan saya. Haruskah saya menerimanya kembali?

Ruangan ini memberi peluang kepada pembaca berkongsi kisah hati, konflik rumah tangga dan sebagainya. Semoga dengan bantuan kaunselor membolehkan pembaca mendapat panduan menyelesaikan masalah peribadi yang dialami. Jika mahu berkongsi kisah, boleh emelkan permasalahan anda kepada [almaswa@karangkraf.com.my](mailto:almaswa@karangkraf.com.my)

Headline	BERBEZA DARJAT Isteri Desak Cerai		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	06 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	480,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	118,119	ArticleSize	1028 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 10,013	PR Value	RM 30,039

## SARANAN KAUNSELOR

### Assalamualaikum WRT

#### Tuan yang dimuliakan,

Melayari bahtera perkahwinan dan menjadi ketua keluarga merupakan tanggungjawab yang sangat besar yang akan dipertanggungjawab di dunia sampai akhirat. Semua situasi ini sangat memerlukan toleransi, kesabaran, kematangan fikiran serta persediaan emosi yang stabil bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat tidak disesali di masa akan datang.

Perkahwinan adalah satu hubungan yang sangat disukai Allah SWT yang sepatutnya boleh membawa kepada kedamaian dan mengeratkan hubungan antara manusia dengan tuhannya serta manusia sesama manusia.

Cinta dan penerimaan yang bersyarat akan melunturkan kasih sayang dibina oleh pasangan. Ini yang berlaku kepada diri tuan yang melakarkan kekecewaan yang amat serius dalam diri tuan sehingga kini. Ketabahan, kematangan dan kasih sayang tuan yang sangat mendalam yang lahir dari diri tuan telah membuatkan tuan tidak serik dengan peristiwa yang lepas dan kembali berfikir untuk menyambung semula hubungan yang telah terputus melalui proses yang sangat panjang serta menyakitkan ini.

Sebelum tuan meneruskan apa-apa keputusan tuan dalam hubungan ini cuba tuan nilai semula kebaikan hubungan yang akan disambung semula ini. Mulakan dengan niat sebenar tuan dan bekas isteri untuk mengulangi hidup sebagai satu keluarga semula. Perbezaan dahulu dan sekarang adalah dahulu tuan bersama dalam satu umah tangga dan sekarang tuan dan isteri berjauhan dan menilai semula segala kebaikan dan keburukan perpisahan.

Tuan terdidik sebagai seorang yang matang dan penyabar sedangkan isteri tuan terdidik dengan kemewahan harta benda dan menuntut harta lebih daripada ketaatan kepada suami. Tuan boleh menerima isteri seadanya dan tidak terpengaruh dengan hasutan sedangkan isteri tuan sangat senang terpengaruh oleh semua keadaan termasuk mempertikai kemampuan tuan sebagai suami.

Kesedaran mula tersingkap apabila berjauhan dan menilai semula perhubungan ini. Namun adakah ini merupakan keinsafan yang sebenarnya atau sementara kerana manusia sentiasa terbiasa dengan perkara yang sering dilakukan terutama apabila niat sebenar telah menyimpang daripada keadaan sebenarnya.

Ini juga ada kaitan dengan tidak bersandarkan kepada ketentuan Allah SWT atas segala jodoh dan pertemuan yang menjadi rahsia Allah SWT dan usaha manusia. Oleh itu tuan perlu nilai semula kemampuan dan kekuatan tuan untuk mengharungi semula kehidupan dengan keluarga yang tuan sudah boleh meneka kesudahan dan gelagat mereka termasuk isteri tuan.

Seterusnya tuan perlu nilai diri tuan yang seakan-akan mengalah dan tidak berdaya kepada semua kemelut ini. Tuan seolah-olah sangat rendah diri dan merasakan diri tuan sangat kerdil dan hina jika dibandingkan dengan isteri tuan. Padahal semua yang ada pada diri tuan begitu sempurna dan matang malahan bukan semua lelaki dapat bersabar dan tabah hadapi kemelut ini dan tidak menduakan isteri dalam semua keadaan.

### TUAN BOLEH MENERIMA ISTERI SEADANYA DAN TIDAK TERPENGARUH DENGAN HASUTAN SEDANGKAN ISTERI TUAN SANGAT SENANG TERPENGARUH OLEH SEMUA KEADAAN...

Sikap terlalu merendah diri tuan sebenarnya yang mencorakkan situasi dalam hubungan ini. Apabila tuan tidak kuat mempertahankan diri tuan maka isteri tuan telah mendominasi dan mengambil alih "kuasa" rumah tangga maka tuan telah hilang kuasa itu sehingga tuan terpaksa menceraikan isteri tuan.

Oleh itu tuan perlu segera perbaiki diri tuan dan kembalikan harga diri tuan yang boleh memimpin isteri dan keluarga tuan tanpa melihat kedudukan dan pangkat.

#### Tuan yang dimuliakan...

Persoalan yang tuan ajukan tentang wajarkah tuan kembali kepada isteri tuan dan rujuk semula sebagai suami isteri merupakan persoalan yang tuan perlu nilai sendiri dan jawab sendiri kerana tuan perlu pastikan "pisang tidak berbuah dua kali".

Tuan perlu beritahu diri tuan bahawa jika tuan kembali bersatu dengan bekas isteri tuan maka itu merupakan kehendak tuan, keperluan tuan, kasih sayang tuan, rasa ingin mendidik isteri tuan dan seterusnya memberi peluang kedua kepada tuan dan isteri tuan. Namun tuan perlu bekalkan diri tuan dengan kekuatan menghadapi penghinaan, rasa tidak cukup, tidak lengkap dan sebagainya agar tuan tidak rasa rendah diri jika penghinaan itu berulang lagi. Jika tuan tidak kuat hadapi segalanya maka tuan wajar mencari orang baru yang lebih "solehah" dan boleh menerima tuan seadanya.

Yakinlah bahawa masih ramai lagi wanita yang solehah yang boleh membantu diri tuan. Jangan sekali-kali menerima isteri tuan di sebabkan anak atau rasa kasihan kerana itu semua akan membuatkan tuan menyesal kemudian hari dan tuan tidak ada kekuatan untuk hadapi semua tohmannan yang akan datang. Sebaliknya kemaskin diri tuan untuk menerima semula isteri seadanya dengan rasa kasih sayang dan tanggungjawab untuk mendidik nya ke jalan yang diredhai Allah SWT.

Ada kalanya wanita perlukan pelindung yang boleh bernaung bukan sekadar mengikut sahaja. Maka tuan perlu lebih "macho" dan tegas diri sebagai suami bagi menampakkan kematangan tuan dalam memimpin isteri.

Tuan juga boleh mempertingkatkan kerjaya tuan dan meningkatkan prestasi kerja agar lebih "outstanding" dan setanding dengan pekerja yang lain seperti menyambung belajar atau mengikuti kursus-kursus mempertingkatkan kredibiliti diri dan keluarga. Semua ini akan membantu tuan agar lebih yakin diri dan sukar dihina kerana tuan boleh berperanan sewajarnya dan setanding dengan semua. AW



PROF. MADYA DR. NOOR AZNIZA ISHAK  
Dekan (Dean) Pusat Pengajian Psikologi  
Gunaan, Desar dan Kerja Sosial (School of Applied Psychology, Social Work & Policy)|  
Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia